

No. Soalan: 189
PR-1353-T01329

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB BUKAN LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH**
[SETIU]

SOALAN : **Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan konflik berterusan yang melanda etnik Rohingya di Myanmar serta pendirian tegas Malaysia bagi membantu menghentikan kekejaman dan pelupusan etnik di negara tersebut yang dilihat semakin buruk.

Pemberian MARRIS ke dalam Akaun Amanah MARRIS negeri masing-masing yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972) (Akta 61). Jawatankuasa Kumpulan Wang yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan JKR selaku Urus setia. Perbelanjaan MARRIS adalah diaudit setiap tahun oleh Jabatan Audit Negara sebagai sebahagian daripada proses auditan akaun Kerajaan-kerajaan Negeri.

Bagi memastikan penggunaan dana MARRIS ditingkatkan oleh Kerajaan Negeri, MKewN tahun 2015 telah bersetuju supaya mana-mana negeri yang tidak mencapai perbelanjaan 85% daripada peruntukan MARRIS yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan maka penyaluran MARRIS kepada negeri berkenaan tahun berikutnya hendaklah tidak melebihi amaun perbelanjaan sebenar tersebut, manakala baki kelayakan akan di off set dengan mana-mana hutang/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

penyelenggaraan jalan negeri sahaja selaras dengan peruntukan Bahagian 2 Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan.

Skop/Kategori Penyelenggaraan Jalan Negeri adalah yang mengikut Spesifikasi Piawaian Kerja oleh JKR dan telah diperincikan melalui Garis Panduan MARRIS yang diluluskan oleh Majlis Kewangan Negara (MKewN) dan dikuatkuasakan mulai tahun 2013, yang secara amnya terbahagi kepada empat (4) kategori utama seperti berikut:

- i. Penyelenggaraan Rutin (Berjadual)
- ii. Penyelenggaraan Berkala
- ii. Penyelenggaraan Kecemasan
- iv. Penyelenggaraan Pencegahan (*preventive*)

Di bawah garis panduan ini, Kerajaan Negeri juga dibenarkan:

- i. Untuk menggunakan dana MARRIS bagi membiayai perbelanjaan pengurusan berkaitan dengan penyelenggaraan jalan negeri dengan had tidak

melebihi 5% atau RM5 juta, mana yang lebih rendah; dan

- ii. Untuk membiayai penyelenggaraan jalan yang tidak mencapai piawaian minimum JKR dan tidak didaftar di dalam Sistem MARRIS Online dengan

had tidak melebihi 10% atau RM10 juta, mana yang lebih rendah.

Bagi tujuan kawalan penggunaan dana MARRIS, MKewN pada tahun 2013 telah mensyaratkan semua negeri mengakaunkan terimaan